

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN MESYUARAT
KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH
BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

SOALAN

PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik perceraian bukan Islam mengikut negeri, kaum dan agama serta langkah-langkah yang telah dilakukan Kerajaan bagi membendung masalah perceraian dalam kalangan bukan Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dari penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Penceraian Malaysia 2018 mendapati sebanyak 10,526 penceraian direkodkan melibatkan pasangan bukan islam di seluruh negara bagi tahun 2017. Daripada jumlah ini, pecahan mengikut kaum pula menunjukkan Cina mencatatkan jumlah tertinggi dengan 7,487 lelaki dan 6,437 perempuan diikuti India dengan 1,832 lelaki dan 1,804 perempuan. Bumiputera pula hanyalah 704 lelaki dan 828 perempuan, angka ini rendah dan menyamai jumlah penceraian lain-lain kaum dengan 233 lelaki dan 1,187 perempuan.

Pemantapan perkahwinan merupakan elemen yang penting dalam mengekalkan kebahagiaan dan keharmonian sesebuah institusi keluarga. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi

mengurangkan jumlah penceraian menerusi program pendidikan, pengetahuan dan kemahiran serta khidmat sokongan kekeluargaan. Antaranya ialah:

a) Program Pra Perkahwinan SMARTSTART, yang diadakan khusus untuk pasangan yang akan berkahwin atau baru berkahwin (kurang 5 tahun). Dari tahun 2006 hingga Ogos 2019, sebanyak 667 buah program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 26,716 peserta.

b) LPPKN juga telah melaksanakan SMARTSTART 2nd Honeymoon dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) sejak bulan Ogos 2009. Tujuan utama program ini adalah untuk membantu pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga. Sehingga Disember 2015, sebanyak 40 program telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 1094 pasangan. Hasil daripada pelaksanaan program berkenaan, hanya 18 pasangan (1.6%), telah membuat keputusan untuk meneruskan proses penceraian.

Hasil kejayaan program tersebut di Terengganu, LPPKN akan meluaskan lagi program seumpama ini di seluruh negara. Bermula tahun 2016 program ini telah dipanjangkan kepada semua Negeri telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan, swasta dan juga pihak NGO khususnya dalam menangani masalah konflik keluarga menerusi pelaksanaan 28 program dengan penyertaan sebanyak 1,932 peserta.

Bagi tahun 2018-2019 LPPKN akan bekerjasama dengan sepuluh (10) NGO untuk melaksanakan Kursus SMARTSTART 2nd Honeymoon antara adalah:

- i. Pertubuhan Pembangunan Usahawan Sabah (Perusa)
- ii. Persatuan Pesara LPPKN Kuala Lumpur Dan Selangor
- iii. Kelab Rekreasi & Kebajikan India Sungai Petani, Kedah
- iv. Persatuan Penduduk Taman Bakar Arang, Sungai Petani
- v. Persatuan Cendekiawan Telugu Malaysia

- vi. Persatuan Pencinta Damai
- vii. Persatuan Serumpun Budaya Kinabalu Sabah
- viii. Pertubuhan Hawa Pertiwi Daerah Petaling, Selangor
- ix. Kelab Veteran MAYC Negeri Perak
- x. Badan Kebajikan Bagi Insan Istimewa Kuantan, Pahang

c) LPPKN telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus dengan agensi dan NGO yang terlibat dengan kursus pra perkahwinan bukan muslim dan juga muslim bertujuan untuk mengenal pasti elemen/topik yang perlu ditambah nilai Modul SMARTSTART mengikut kesesuaian keperluan semasa; Siri bengkel adalah seperti berikut:

- i) Siri 1 Bengkel Penambahbaikan Modul SMARTSTART 2.0 Peringkat LPPKN pada 15 Julai 2019;
- ii) Siri 2 Bengkel Penambahbaikan Modul SMARTSTART 2.0 Peringkat LPPKN pada 31 Julai 2019
- iii) Sesi Libat Urus Penambahbaikan Modul SMARTSTART 2.0 pada 6 Ogos 2019;
- iv) Siri 3 Bengkel Penambahbaikan Modul SMARTSTART 2.0 pada 21 – 22 Ogos 2019;
- v) Siri 4 Bengkel Pembangunan Kerangka dan Konsep Modul SMARTSTART 2.0

Lanjutan daripada siri bengkel tersebut kerangka cadangan pengisian dan aktiviti telah dirangka melibatkan cadangan elemen / topik antaranya seperti berikut:

- i) Ujian Personaliti untuk pasangan yang bakal berkahwin. Ia dapat membantu dalam usaha memilih pasangan yang sesuai. Supaya mereka dapat memahami dan menerima kelebihan dan kekurangan masing-masing.

- ii) Perundangan Keluarga (Akta dan prosedur perkahwinan dan Tribunal Perkahwinan) kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
 - iii) Pengurusan sumber kewangan keluarga dengan kerjasama pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);
 - iv) Diet sihat (pemakanan sihat untuk keluarga) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- d) Perbincangan pihak Kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berkenaan Kursus Pra Perkahwinan Bagi Pasangan Bukan Muslim pada 4 Mac 2019 telah memutuskan buat masa ini tidak mewajibkan kursus pra perkahwinan terhadap pasangan bukan Islam yang ingin berkahwin. Namun begitu, mesyuarat yang telah diadakan bersama EXCO Wanita Negeri bersetuju agar bakal pengantin bukan Islam digalakkan untuk menyertai kursus SMARTSTART sebagai pra syarat mendapat insentif perkahwinan daripada negeri.
- e) Perbincangan pihak Kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Ketua Masyarakat Melayu telah diadakan pada 20 Jun 2019 bagi membincangkan keperluan selepas bercerai pasangan Islam dapat diurus dengan baik seperti kaunseling pasangan baru bercerai dan aspek penjagaan anak, nafkah dan sebagainya.